**From:** UUM CORPORATE COMM.
**Sent on:** Tuesday, 19 April, 2022 2:41:45 PM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** RFP LALUAN GRADUAN CEBURI PROFESION PERANCANG KEWANGAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 APRIL 2022 / 17 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

**RFP LALUAN GRADUAN CEBURI PROFESION PERANCANG KEWANGAN**




**UUM ONLINE:** Program kelayakan profesional Registered Financial Planner (RFP) memberi nilai tambah kepada pelajar Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) agar lebih berdaya saing dalam

pasaran kerja dan menjadi seorang perancang kewangan bertauliah.

Dekan SEFB, Prof. Madya Dr. Bakti Hasan Basri berkata, SEFB telah menerima peruntukan sebanyak RM300,000 daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi melaksanakan program kelayakan profesional RFP di bawah program PENJANA KPT-PACE bagi membolehkan pelajar mendapat kelayakan professional RFP.

Menurutnya, kumpulan sasaran bagi program itu ialah pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kewangan (Pengurusan Kekayaan) dan Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans serta pelajar yang mengambil minor kewangan atau perancang kewangan selain graduan yang baru tamat pengajian.

“Menariknya, yuran bagi mengikuti kursus sijil profesional ini adalah percuma dan kita memberi keutamaan kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk menyertai program ini atas dasar keprihatinan pusat pengajian.

“Keistimewaan RFP ini ialah ia diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti yang menyediakan peluang kemasukan kepada graduan yang ingin menceburi profesion perancangan kewangan," katanya, semalam.

Kelayakan profesional RFP ini akan membolehkan pelajar memohon lesen sebagai Penasihat Kewangan.

Jelasnya, RFP atau Program Perancang Kewangan Berdaftar telah dilancarkan oleh bekas Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dato’ Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz pada 2002 sebagai kelayakan untuk memohon Lesen Penasihat Kewangan dan Lesen Wakil Penasihat Kewangan di bawah Akta Insurans 1996.

Justeru itu, ujar beliau, program ini memberi nilai tambah kepada pelajar dan seterusnya meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan dalam pasaran kerja.

"Saya berharap semoga program ini berjaya dan dapat membantu pelajar dalam memperolehi pekerjaan dalam bidang perancang kewangan setelah mereka tamat pengajian nanti,” ujarnya.

Projek Perundingan PENJANA KPT-PACE, RFP ini diketuai Dr. Sabariah Nordin bersama Prof. Madya Dr. Rasidah Mohd Rashid, Dr. Nur Hafizah Ismail, Dr. Ooi Chai Aun, Prof. Madya Dr. Logasvathi a/p Murugiah dan Norliza Dasahi.

Sementara itu, Sabariah berkata, RFP yang akan dilaksanakan pada Ogos tahun ini bakal memanfaatkan 100 pelajar dan graduan UUM sebagai pendedahan awal sebelum mereka memasuki pasaran kerja.

Katanya, menerusi program itu, pelajar perlu melengkapkan tujuh modul terlebih dahulu dan bagi pelajar Sarjana Muda Kewangan, mereka memperolehi pengecualian bagi Modul 1 hingga 6 melalui subjek yang diambil dalam struktur program kewangan dan hanya mengambil modul 7.

“Program ini akan dilaksanakan mengikut kaedah bersemuka, ‘online based learning’ dan hibrid selama lima hari, menyiapkan kertas projek dalam tempoh 1 bulan di samping perlu menduduki peperiksaan,” tambahnya.

Menurut Sabariah lagi, Malaysian Financial Planning Council (MFPC) juga telah mencadangkan agar program ini dijadikan dwi-kelayakan bagi pelajar Sarjana Muda Kewangan iaitu selain daripada memperolehi Ijazah Sarjana Muda, pelajar kewangan juga akan memperolehi sijil RFP.




Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.